

# Kaji kewajaran naik had laju



**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED**

**D**ALAM pada kita masih buntu untuk mengatasi mahupun mengurangkan masalah peningkatan kadar kemalangan terutamanya kemalangan maut di negara ini yang dilihat semakin mengancam nyawa pengguna jalan raya muncul pula cadangan untuk menaikkan had laju lebuh raya kepada 130 kilometer sejam (km/j).

Kementerian Kerja Raya dilaporkan bersedia untuk berunding dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk membuat kajian baharu berkenaan cadangan menaikkan had laju lebuh raya tersebut. Pihak kementerian dihabarkan akan memaklumkan cadangan itu kepada JKJR dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros) bagi memberi pandangan berkenaan aspek keselamatan.

Ini kerana had laju jalan raya bukan sahaja ditetapkan Jabatan Kerja Raya (JKR) tetapi dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan melalui JKJR dan Miros yang memberi pandangan dari sudut keselamatan.

Dalam hal ini persoalan utama, apakah cadangan menaikkan had laju ini mampu menangani masalah utama iaitu peningkatan kadar kemalangan? Dan satu lagi perkara yang turut menarik perhatian masyarakat dalam isu ini adalah sejauh mana reka bentuk jalan raya di Malaysia ini sesuai untuk menampung kelajuan tersebut. Tambahan pula dilaporkan bentuk jalan raya di negara ini adalah sesuai untuk kelajuan maksimum 120 km/j sahaja.

Jadi timbul persoalan sejauh mana kewajaran untuk menaikkan had laju kepada 130 km/j. Justeru diharapkan kementerian dengan agensi yang terbabit akan melaksanakan kajian terperinci dengan mengambil kira segala faktor yang terlibat seperti reka bentuk jalan raya, bentuk muka bumi dan juga jenis jalan raya. Hal ini penting kerana penulis percaya tidak semua jalan raya sedia ada sesuai untuk menampung kelajuan 130 km/j tersebut.

Apa yang pasti kita tidak mahu cadangan baharu ini jika dilak-

sanakan kelak membuatkan kita menyesal kemudian hari atau akan mengeruhkan keadaan lagi di mana kadar kemalangan akan terus meningkat pula.

Hal ini tidak mustahil untuk berlaku kerana salah satu faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan maut di negara ini adalah pemanduan yang laju.

Pengguna jalan raya yang suka memandu laju dan tidak mengikut peraturan bukan saja mengancam diri sendiri tetapi turut membahayakan nyawa pengguna jalan raya lain. Hal ini terbukti apabila hampir setiap hari kita dapat membaca dalam akhbar kejadian kemalangan maut yang meragut sejumlah nyawa yang besar secara sekali gus dalam satu-satu kemalangan maut yang cukup ngeri.

Maka timbul persoalan sejauh mana pengguna jalan raya akan patuh pada peraturan dan berdisiplin di atas jalan raya dengan had laju yang baharu. Secara prinsipnya bagi penulis peningkatan had laju bukanlah satu isu besar. Andai hasil kajian esok membuktikan dan membenarkan untuk menaikkan had laju maka kita boleh menaikannya tanpa sebarang masalah mahupun kerisauan namun aspek yang paling penting di sini adalah sikap dan tingkah laku pengguna jalan raya itu sendiri.

Ini kerana sikap dan tingkah laku pemandu yang mementingkan diri sendiri serta tidak mempedulikan keselamatan orang lain dilihat ancaman dan masalah

yang lebih besar.

Penulis percaya secara prinsipnya cadangan untuk menaikkan had laju ini adalah berasaskan kepada usaha untuk melancarkan lagi pergerakan di jalan raya serta diharap boleh membantu mengurangkan kadar kemalangan maka sekali lagi had laju bukan isu besar.

Jadi apa yang penting sekarang di samping ada usaha untuk mengkaji cadangan kenaikan had laju tersebut, wajar juga diberi penekanan yang lebih serius untuk mengubah sikap dan tingkah laku pemandu di negara secara keseluruhannya.

Pelbagai kajian selama ini dengan jelas membuktikan punca utama kemalangan maut di negara ini adalah disebabkan kecuaiannya manusia iaitu terbabas sendiri, 'makan jalan' dan gagal memotong di samping beberapa faktor lain seperti, pemanduan tidak cekap, salah pertimbangan, pandu dengan melebihi had laju, suka mencelah atau himpit kenderaan lain, memecut sesuka hati, kurang tumpuan, tidak sedia memandu, tidak memeriksa kenderaan, kurang sabar dan tidak peduli keadaan jalan raya.

Cukup-cukuplah nyawa yang terkorban di atas jalan raya. Kita tidak mahu lebuh raya terus bermandikan darah dan menjadi pusara tidak bertanda. Sikap dan tingkah laku manusia memang sukar untuk diubah dalam sekelip mata. Maka usaha untuk mewujudkan dan memupuk kesedaran dalam kalangan pemandu untuk

lebih berhati-hati, berdisiplin, mematuhi peraturan serta menghormati pengguna jalan raya yang lain pastinya memerlukan masa yang panjang dan inisiatif yang konsisten.

Misalnya, di samping mendidik mereka melalui penguatkuasaan undang-undang dengan menjatuhkan hukuman setimpal termasuk membatalkan lesen memandu dan sebagainya, langkah pencegahan melalui kempen kesedaran juga perlu terus diperingkatkan.

Oleh kerana sikap dan tingkah laku sukar diubah terutamanya jika semakin meningkat dewasa maka eloklah usaha kesedaran dan pencegahan difokuskan kepada golongan remaja dan belia terutamanya yang masih di bangku sekolah.

Penulis percaya golongan ini masih belum terlambat dan boleh dibentuk serta dilentur. Malah golongan ini yang banyak terlibat dengan isu seperti lumba haram dan merempit. Jadi wajarlah usaha untuk mengubah sikap ini dijalankan secara serius di peringkat sekolah.

Hal ini penting kerana tiada gunanya kita menyediakan kualiti dan reka bentuk jalan raya yang hebat dan berkelas dunia serta menaikkan had laju kepada 130 km/j tetapi akhirnya sikap negatif dan ego pemandu terus meragut nyawa dan menambahkan statistik kemalangan maut di negara ini.

**PENULIS** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.



**SEBUAH lori pasir dikesan melanggar peraturan dengan menggunakan laluan laju di Lebuh raya Lingkaran Tengah, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR**